



BAB PERTAMA

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 LATARBELAKANG .

Sintaksis merupakan bidang terpenting dalam kajian sesuatu bahasa , kerana ia menentukan penggunaan bahasa yang betul dan mengubah sesuatu makna mengikut pemakaiannya dalam struktur ayat . Perubahan akhir kata atau i`rāb dalam bahasa Arab merupakan ciri terpenting dalam kajian sintaksis bahasa Arab . Ia merangkumi setiap aspek dan kedudukan kata dalam susunan ayat . Bahkan i`rāb bukan sahaja memperlihatkan perubahan akhir kata tetapi juga perubahan dalam ciri-ciri yang berkaitan dengan jumlah , aspek kata , aspek genus dan lain-lain . Semua ini mempunyai kaitan yang rapat satu sama lain . Dalam bahasa Arab aspek kala , genus dan jumlah dinyatakan serentak seperti kataba (كَتَبَ) , yaktubu (يَكْتُبُ) , 'uktub (اُكْتُبْ) dalam ungkapan * كَتَبَ مُحَمَّدٌ (Muhammad telah menulis pelajaran) , يَكْتُبُ مُحَمَّدٌ الدَّرْسَ (Muhammad sedang menulis pelajaran) , اُكْتُبِ الدَّرْسَ (tulislah pelajaran) dan sebagainya .

Di samping itu , dalam bahasa Arab juga terdapat empat kasus iaitu nominatif (رَفْعٌ) , akusatif (نَصْبٌ) , genetif (جَرٌّ) dan jusif (جَزْمٌ) . Setiap kasus ini boleh dikenal daripada bunyi vokal akhir

morfem yang berkeadaan iaitu (u) bagi kasus nominatif , (a) bagi kasus akusatif , (i) bagi kasus genitif . Manakala bagi kasus jusif pula , vokal pada akhir morfemnya tidak berbunyi (\emptyset) . Contoh bagi tiap-tiap vokal tersebut adalah seperti berikut :

فَرِحَ مُحَمَّدٌ (Muhammad telah gembira) === bagi vokal (u) .
 قَابَلْتُ مُحَمَّدًا (Saya telah berjumpa Muhammad) === bagi vokal (a) .
 مَرَرْتُ بِمُحَمَّدٍ (Saya melalui berhampiran dengan Muhammad) ===
 bagi vokal (i) .
 لَمْ يَذْهَبْ مُحَمَّدٌ (Muhammad tidak pergi) === tanpa bunyi vokal (\emptyset)

Memandangkan i'rāb hanya berlaku pada kata yang berada dalam susunan ayat atau klausa fokus kajian penulis ini lebih ditumpukan kepada struktur ayat dan pembentukannya . Ini kerana i'rāb memainkan peranan penting dalam menentukan makna yang tepat dan membezakan ayat daripada klausa . Selain itu , sesuatu ayat dianggap lengkap atau tidak berdasarkan kepada bentuk i'rāb yang digunakan . Contohnya perkataan (مُحَمَّدٌ) dalam dua ungkapan di bawah .

- 1 ضَرَبَ مُحَمَّدٌ (Muhammad telah memukul)
- 2 ضَرَبَ مُحَمَّدًا (Dia telah memukul Muhammad) .

Ungkapan pertama dianggap tidak lengkap . Ini kerana perkataan (مُحَمَّدٌ) berfungsi sebagai pelaku bagi kata kerja transitif (ضَرَبَ) yang tidak dinyatakan objeknya . Manakala ungkapan kedua pula dianggap lengkap , kerana perkataan (مُحَمَّدًا) adalah

objek . Perbezaan ini hanya dapat dikenalpasti melalui sistem i`rāb sahaja.

Pada dasarnya , semua kata selain dari partikel dan sebahagian kata kerja kala kini dalam bahasa Arab terdedah kepada perubahan bunyi akhir apabila berada dalam struktur ayat . Perubahan ini kadang kala berbentuk harakaṭ (baris) , huruf , penyingkiran huruf dan sebagainya yang mempunyai fungsi semantik tertentu . Selain itu , terdapat juga kata yang mengalami perubahan i`rāb secara andaian (إِعْرَابٌ تَقْدِيرِيٌّ) , dan i`rāb pada tempat (إِعْرَابٌ مَحَلِّيٌّ) .

Penguasaan i`rāb di kalangan penuntut bahasa Arab di Malaysia masih rendah dan banyak ruang yang perlu dibaiki . Di atas keinsafan inilah , penulis mengemukakan satu kajian mengenai sistem i`rāb bagi menangani permasalahan ini , agar ianya dapat dijadikan panduan dan pedoman .

Pemilihan tajuk " Analisis sistem i`rāb dalam bahasa Arab " bertujuan mencari penyelesaian dalam menangani kelemahan dan kepincangan yang dihadapi oleh penutur-penutur bahasa Arab , terutama di kalangan penuntut Melayu yang mengalami kesukaran dalam mempelajari bahasa Arab , kerana setiap kata dalam struktur ayat mempunyai berbagai-bagai bentuk dan darjat fleksi yang tinggi .

1.1 KEPENTINGAN KAJIAN .

Kajian ini akan melahirkan satu gambaran lengkap mengenai fungsi kata dalam sesuatu ayat yang memperlihatkan perubahan pada fonem akhir dan ciri-ciri yang berkaitan dengan aspek kasus , jumlah, genus dan sebagainya. Seterusnya ia juga akan menganalisis tugas kata dalam struktur ayat mengikut kategori-kategori dan kekerapannya secara tersusun . Di samping itu , ia juga akan mendedahkan peranan perubahan akhir kata dan kesannya terhadap perubahan makna dan struktur ayat . Justeru itu , penulis mendapati kajian ini amat penting bagi membantu penutur-penutur bukan Arab, khususnya pelajar-pelajar Melayu memahami konsep perubahan akhir kata dan kaedah penggunaannya .

1.2 TUJUAN KAJIAN .

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut ;

- i) Memperkenalkan konsep i`rāb dengan cara tersusun dan mudah difahami .
- ii) Menggariskan keutamaan-keutamaan dalam sistem i`rāb yang perlu dikuasai oleh penutur bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu .
- iii) Mengenalpasti punca-punca kelemahan penggunaan sistem i`rāb di kalangan penuntut-penuntut di peringkat universiti khususnya pelajar Pra Akademi Pengajian Islam , Nilam Puri , Kelantan .

1.3 BIDANG KAJIAN .

Kajian ini tertumpu pada analisis kata dalam struktur ayat . Dalam menjalankan kajian ini , penulis akan memfokuskan kepada tiga aspek berikut :

- i) Golongan dan klasifikasi kata dalam bahasa Arab .
- ii) Pembahagian i`rāb , dan kaitannya dengan pembentukan makna .
- iii) Analisis kesilapan pelajar dalam penggunaan sistem i`rāb serta cara penyelesaiannya .

1.4 METODOLOGI KAJIAN .

Dalam menjalankan kajian ini , penulis menggunakan beberapa metode seperti pengumpulan data dari teks bahasa Arab , analisis data dan kajian lapangan. Hampir keseluruhan kajian ini lebih tertumpu kepada kajian perpustakaan terutama sekali dalam pengumpulan data . Oleh sebab kajian ini menumpu kepada sintaksis bahasa Arab , maka rujukan dalam bahasa Arab akan lebih diutamakan oleh penulis , di samping rujukan dalam bahasa lain sebagai rujukan kedua .

Secara dasarnya , al - Quran dijadikan asas pertama dalam menentukan kesahihan penggunaan i`rab dan diikuti oleh puisi-puisi Arab yang muktamad kefasihannya . Bagi melengkapkan kajian ini dengan kajian lapangan penulis juga akan mengedarkan borang

soalselidik mengenai penguasaan sistem i'rāb kepada sekumpulan pelajar yang dipilih secara rawak dari Pra Akademi Pengajian Islam , Nilam Puri , Kelantan, bagi mengenalpasti punca-punca kelemahan penggunaan sistem i'rāb dan cara penyelesaiannya .

1.5 ORGANISASI KAJIAN .

Kajian ini terdiri daripada 6 bab .

Bab pertama

Bab ini merupakan pengenalan kepada bab-bab seterusnya . Di dalamnya dinyatakan latar belakang kajian , tujuan kajian , bidang kajian , kepentingan kajian dan metodologi yang digunakan dalam kajian serta organisasi kajian .

Bab kedua

Bab ini memaparkan pengkelasan pola kata yang terdiri daripada kata nama , kata kerja dan partikel . Pengkelasan kata ini merupakan pendahuluan dan pengenalan kepada bab ketiga dan keempat .

Bab ketiga

Bab ini merupakan inti kepada keseluruhan kajian . Ia membincangkan tentang sistem i`rāb dan ciri-ciri yang berkaitan dengannya termasuk definisi i`rāb, kelompok kata mu`rab , jenis-jenis i`rāb serta tanda-tanda dan pembahagiannya .

Bab keempat

Bab ini adalah lanjutan daripada bab tiga . Ia menganalisis dan mengklasifikasi kedudukan kata dalam struktur ayat berdasarkan jenis-jenis i`rāb iaitu nominatif , akusatif , genitif dan jusif .

Bab kelima

Bab ini merupakan analisis kesilapan penggunaan sistem i`rāb di kalangan pelajar Pra Akademi Pengajian Islam , Nilam Puri . Ia mengandungi analisis data dari borang soalselidik yang diedarkan kepada 100 orang responden yang dipilih dari kalangan pelajar Pra APIUM .

Bab keenam

Kesimpulan kajian .

1.6 Penutup

Kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada pencinta-pencinta bahasa Arab serta menyumbang ke arah memantapkan kedudukan bahasa Arab di Malaysia .